



## KATA ALU-ALUAN MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 kini melangkah memasuki Gelombang 2 (2016-2020) yang berteraskan kepada 11 anjakan utama dan salah satunya adalah menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa. Menerusi anjakan ini juga, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat menanda aras keupayaan dalam kemahiran membaca, matematik dan sains dengan standard antarabangsa selain meningkatkan pelaburan bagi sumber fizikal serta pengajaran kepada murid dengan keperluan khusus.

KPM turut memberi penekanan kepada penguasaan murid dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan memperkenalkan kurikulum Bahasa Malaysia yang sama pada peringkat rendah diikuti sokongan pemulihan intensif untuk murid yang memerlukan bagi menggantikan kelas Peralihan. Langkah memperluaskan program LINUS supaya meliputi literasi Bahasa Inggeris juga dilaksanakan selain meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris guru dan menggalakkan setiap murid mempelajari bahasa tambahan menjelang 2020.

Penerapan nilai dan akhlak merupakan tunjang kepada pembentukan seorang murid yang holistik selaras Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Seperti yang saya sebutkan sebelum ini, peranan mendidik adalah tanggungjawab kita semua. Di bawah Anjakan 9 PPPM, KPM telah membuka pintu seluas-luasnya kepada penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta supaya kita sama-sama berganding bahu memastikan bahawa anak-anak kita dilengkapi ilmu dan akhlak untuk menjadi warga Malaysia yang dapat menyumbang kepada agama, bangsa dan tanah air.

Sekiranya nilai dan akhlak yang sempurna dalam diri anak-anak kita dapat diterapkan, kita akan dapat memastikan bahawa warga kita akan terus hidup dalam keadaan aman dan harmoni dalam kepelbagaian ini. Perpaduan merupakan salah satu Aspirasi Sistem pendidikan kita, dan pelbagai inisiatif telah dilakukan untuk murid kita daripada pelbagai latar belakang sosio ekonomi, agama dan etnik belajar memahami, menerima dan menghayati perbezaan. Kita mahu mewujudkan satu sistem pendidikan yang memberi peluang kepada murid berkongsi pengalaman dan aspirasi demi membentuk dan memperkukuh lagi asas perpaduan rakyat negara kita.

Akhir kata, tahniah dan syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi serta semua pihak yang telah berusaha gigih bagi merealisasikan penerbitan majalah sekolah ini.

Selamat Maju Jaya.

**“PENDIDIKAN ITU KEGEMBIRAAN, PENDIDIKAN ITU KEBAJIKAN, PENDIDIKAN ITU  
KETERBUKAAN”**

(DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID)